



**TEKS UCAPTAMA  
NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN  
IKLIM (NRECC)**

**SEMPENA  
PERHIMPUNAN BULANAN NRECC**

**25 OKTOBER 2023 (RABU)  
DEWAN BAIDURI, WISMA SUMBER ASLI**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim**

Ketua Setiausaha;

**Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif bin Haji Abd Mubin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim);

**Yang Berbahagia Dato' Razali bin Mohamad**

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Air dan Pembentungan);

Ketua-ketua Jabatan/Agensi;

YBhg. Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada pagi ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga NRECC yang telah hadir di Majlis Perhimpunan NRECC pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim atas pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha NRECC yang baharu berkuatkuasa 4 Oktober yang lalu. Semoga Dr. akan bersama-sama saya dalam mengemudi Kementerian ini. Saya yakin dengan kemahiran dan pengalaman yang dimiliki mampu untuk membawa Kementerian ini ke arah yang lebih cemerlang.
3. Saya difahamkan bahawa Tema Perhimpunan Bulanan NRECC pada kali ini adalah berkaitan “Tenaga” yang dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sektor Tenaga, NRECC.
4. Seperti mana semua sedia maklum, Sektor Tenaga memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara kerana penyediaan bekalan tenaga yang mencukupi berkualiti dan berdaya harap adalah sangat diperlukan bagi pembangunan negara, pembangunan sosial serta menggerakkan aktiviti harian di semua sektor ekonomi.
5. Bagaimanapun penggunaan tenaga dan kesannya terhadap perubahan iklim adalah saling berkait rapat. Selaku ahli kepada United Nations Framework Convention on Climate Change

(UNFCCC) sejak 13 Julai 1994 dan Perjanjian Paris pada 16 November 2016, Malaysia komited untuk melaksanakan tindakan perubahan iklim di peringkat global dan sektor tenaga merupakan antara sektor yang berpotensi besar untuk pelepasan gas rumah kaca (greenhouse gas – GHG) di Malaysia.

6. Di bawah Perjanjian Paris, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar) pada tahun 2030 berbanding intensiti pelepasan karbon pada tahun 2005. Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah mengumumkan aspirasi untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih seawalnya pada tahun 2050 tertakluk kepada hasil Long Term Low Emission Development Strategy (LT-LEDS) yang sedang dibangunkan. Antara inisiatif di bawah sektor tenaga yang telah dikenalpasti mampu menyumbang kepada pencapaian sasaran ini adalah melalui penggunaan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) serta meningkatkan amalan cekap tenaga dan lain-lain.
7. Justeru, perancangan pembekalan elektrik negara yang komprehensif adalah diperlukan untuk memastikan keseimbangan tiga elemen iaitu jaminan bekalan, kelestarian dan mampu bayar. Ketidakseimbangan terhadap tiga elemen ini akan menyebabkan perancangan pembekalan elektrik yang tidak mapan.
8. Tambahan pula, sektor perbekalan elektrik negara sentiasa ditanda aras dengan negara-negara lain di rantau ini dan juga seluruh dunia. Kita bersyukur kerana negara telah mencapai liputan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia sebanyak 99% dengan Index

Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem (SAIDI) 45.6 minit/pelanggan/tahun dan Sarawak sebanyak 99.2 peratus liputan bekalan elektrik dengan SAIDI 75.32 minit/pelanggan/tahun. Bagi Negeri Sabah pula, Kementerian sedang giat berusaha untuk memastikan liputan bekalan elektrik terus dipertingkatkan dan bekalan elektrik yang stabil.

9. Malah, Malaysia boleh berbangga kerana menduduki tangga ke-4 dari 190 negara dengan kadar berdaya harap yang tinggi dan ketelusan dalam penetapan tarif berbanding Australia, Norway, New Zealand, Singapura, USA dan Itali berdasarkan *Doing Business Index Getting Electricity* oleh *World Bank* pada tahun 2020. Manakala Malaysia menduduki tangga 30 di dalam *Energy Trilemma Index 2022* oleh *World Energy Council* dan kedudukan pertama di dalam SEA's in *Energy Transition Index 2023* oleh *World Economic Forum*.
10. Namun begitu, pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini dipacu oleh penjanaan tenaga elektrik dengan kebergantungan tinggi kepada sumber bahan api fosil seperti arang batu. Oleh itu, NRECC komited untuk mencapai peningkatan kapasiti kepada 70% pada 2050 sebagai pemangkin untuk penyahkarbonan dan pertumbuhan ekonomi.
11. Bagi mencapai hasrat tersebut, NRECC akan melaksanakan program-program TBB seperti berikut:
  - (i) **Feed in Tariff** - Pemangkin bagi pembangunan industri TBB di negara ini. Penjana akan menjual tenaga 100% kepada

syarikat utiliti pada kadar yang premium. Program ini akan dilaksanakan oleh SEDA Malaysia.

- (ii) **Net Energy Metering (NEM)** - Menggalakkan pengguna untuk menjadi penjana dan pengguna kepada tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sistem solar PV yang dipasang di premis. Lebihan tenaga akan dieksport ke grid utiliti. Program ini akan dilaksanakan oleh SEDA Malaysia.
- (iii) **Large Scale Solar (LSS)** - Projek solar PV yang dibangunkan pada skala utiliti. Permohonan kuota diadakan secara bidaan terbuka dan dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga (ST). Sehingga kini sebanyak 4 pusingan LSS telah dilaksanakan.
- (iv) **New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA)** – Merupakan alternatif kepada Power Purchase Agreement (PPA). Membangunkan projek janakuasa dari sumber TBB dan menjual tenaga elektrik yang dijana kepada *Single Buyer* pada harga pasaran (*System Marginal Price – SMP*).
- (v) **Self-Consumption (SELCO)** – Iaitu mana-mana pengguna yang ingin menjana tenaga elektrik di premis dan menggunakan tenaga yang dijana sepenuhnya. Tidak dibenarkan untuk mengekport sebarang lebihan tenaga ke grid utiliti. Program ini akan dilaksanakan oleh ST.
- (vi) **Green Energy Tariff 2.0 (GET 2.0)** - Pengguna memperoleh bekalan tenaga elektrik dari sumber TBB pada kadar yang premium. Layak untuk mendapat *Renewable Energy Certificate (REC)*.
- (vii) **Corporate Green Power Program (CGPP)** - Pemaju TBB boleh membina ladang solar sehingga 30MW dan

membekalkan tenaga elektrik kepada pelanggan korporat melalui sistem NEDA.

12. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara dan pertambahan penduduk, Kerajaan komited dalam memastikan keterjaminan bekalan elektrik kepada semua rakyat dan pengguna. Namun, aspek pengurusan permintaan akan turut diberikan keutamaan melalui pendekatan pengurangan penggunaan tenaga dengan pelaksanaan **Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara atau *National Energy Efficiency Action Plan – NEEAP, 2016 – 2025.***
13. Pelan tindakan ini merupakan **instrumen penting** untuk memastikan keberhasilan pelaksanaan strategi kecekapan tenaga di negara ini melalui langkah-langkah kecekapan tenaga yang bersepadu dan kos efektif dalam sektor industri, komersial dan kediaman. Oleh itu, program sedia ada seperti **Program Geran Audit Tenaga Bersyarat (EACG), Pelabelan Intensiti Tenaga Bangunan Kebangsaan (BEI), program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE), Efficient Management of Electrical Energy Regulations (EMEER)***, pembangunan kapasiti serta program kesedaran akan diperhebatkan.
14. Selain itu, Malaysia perlu memperkukuhkan kerangka perundangan berkaitan kecekapan dan konservasi tenaga bagi memastikan keterlibatan secara menyeluruh sektor-sektor ekonomi negara. Dalam hubungan ini, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Sektor Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia kerana **RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada**

**11 Oktober 2023** yang lalu dan seterusnya akan dibawa untuk kelulusan Dewan Negara pada bulan November atau Disember tahun ini.

15. Melalui penguatkuasaan RUU ini, **Malaysia mampu menjimatkan penggunaan tenaga sebanyak 2,017 juta Gigajoule (GJ) atau bersamaan RM 97.1 bilion, mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 197,877 ktCO<sub>2</sub> dan akan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan baharu** dalam bidang pengurusan dan pengauditan tenaga.
  
16. Pada hari ini, kita juga akan menyerahkan Pelabelan Intensiti Tenaga Bangunan (*Building Energy Intensity* - BEI) Kebangsaan kepada tujuh (7) buah bangunan yang mendapat penarafan BEI 5-bintang bagi tahun 2022. Pelabelan BEI membolehkan pemilik bangunan memantau penggunaan tenaga elektrik dan menggalakkan penggunaan tenaga yang cekap di bangunan-bangunan. Syabas dan tahniah kepada:
  - (i) Suruhanjaya Tenaga;
  - (ii) Tabung Haji;
  - (iii) Lembaga Pelabuhan Johor;
  - (iv) Ambank Tropicana;
  - (v) Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kuala Lumpur;
  - (vi) Kementerian Kerja Raya; dan
  - (vii) Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
  
17. Penarafan ini membuktikan iltizam organisasi berkenaan dalam memastikan premis bangunan mereka menggunakan tenaga secara



berhemah sekaligus dapat menjimatkan bil utiliti. Oleh yang demikian, selaras dengan prinsip kepimpinan melalui teladan (*lead by example*), saya berharap semua bangunan NRECC, jabatan serta agensinya, yang memenuhi syarat dan layak, akan mendapat label BEI sebagai membuktikan komitmen kita dalam menerajui agenda kecekapan dan konservasi tenaga.

## **SISTEM E-TANAH**

18. NRECC sentiasa mendukung penuh hasrat dan iltizam Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang tangkas kepada rakyat melalui tatakelola yang berlandaskan perundangan dan integriti. Kerajaan kini juga sedang giat melaksanakan revolusi digital dengan memanfaatkan sepenuhnya pendigitalan bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Justeru, salah satu inisiatif NRECC adalah melalui pelaksanaan Sistem e-Tanah di negeri-negeri bagi meningkatkan kualiti dan prestasi pentadbiran tanah agar menjadi lebih efisien, sistematik dan telus. Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta kini sedang digunapakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Negeri Perak dan yang terkini adalah di Negeri Selangor di mana orang awam boleh membuat capaian dan menggunakan perkhidmatan Sistem e-Tanah di negeri Selangor apabila dibuka sepenuhnya kepada orang awam pada 30 Oktober 2023 ini.

## **RMK-12 SEKTOR AIR**

19. Rancangan Malaysia Ke-dua belas telah menekankan tumpuan kepada usaha melonjakkan kemampanan dengan mempercepat

pertumbuhan hijau serta mempertingkat kemampunan tenaga dan mentransformasi sektor air. Fokus utama adalah kepada kesejahteraan alam sekitar dan daya tahan negara dalam menangani isu perubahan iklim dan pengurusan sumber yang tidak cekap.

20. Tenaga dan air akan diuruskan secara holistik dan mampan, dengan mengambil kira bekalan dan permintaan sumber ini. Sektor air akan memfokuskan kepada usaha memastikan keterjaminan air untuk semua melalui mempergiat penerimgunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM). Peralihan kepada Ekonomi Kitaran akan menghasilkan kecekapan perolehan dan keberkesanan kos serta mengurangkan tekanan ke atas persekitaran dengan signifikan. Peralihan ini juga akan menyediakan ekonomi yang lebih inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan hijau.
21. Transformasi Sektor Air juga telah menggariskan strategi neksus air-tenaga-makanan, yang perlu dilihat dari segi dasar dan proses. Ini kerana air tidak boleh dipisahkan daripada dikaitkan dengan pertanian, pengeluaran makanan dan terdapat keperluan segera untuk penambahbaikan berterusan dalam kecekapan guna air dan tenaga. Penambahbaikan ini juga akan menyokong usaha dalam menangani cabaran keselamatan air serta membantu pertumbuhan sektor dan meningkatkan pembangunan ekonomi yang mampan.
22. Dalam menjamin keselamatan air, aspek keseimbangan penggunaan air oleh semua sektor dan pihak berkepentingan dalam hubung kait air-tenaga-makanan adalah penting bagi memastikan pembangunan dan kemajuan yang seimbang, jaminan bekalan

makanan dan sasaran jaminan bekalan tenaga ke arah kelangsungan sosial dan ekonomi negara.

## **KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT**

23. Kementerian telah mempertingkatkan kesiapsiagaan menghadapi musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut (MTL) bagi menangani serta mengurangkan risiko banjir dengan tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan infrastruktur secara sempurna dan berkala;
- ii) Menempatkan 737 unit pam bergerak di semua lokasi hotspot banjir seluruh negara;
- iii) Pemasangan Siren Amaran Banjir dan Kamera/ CCTV bagi memantau kenaikan aras air di sungai-sungai utama; dan
- iv) Mengaktifkan semua saluran komunikasi di peringkat daerah/negeri/ apabila terdapat ramalan dan amaran banjir.

24. Warga NRECC boleh memantau ramalan cuaca dan amaran banjir melalui akaun media Facebook dan Twitter MetMalaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia-JPS.

## **PENUTUP**

25. Akhir kalam, saya berharap semua warga NRECC, jabatan dan agensi agar sentiasa berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan semua dasar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat

serta perlu memastikan *good governance* yang baik dalam melaksanakan tugas masing-masing.

26. Adalah penting agar kita tidak leka dan terus bersama-sama Kerajaan untuk mendepani sebarang cabaran sama ada di dalam atau di luar negara pada masa kini dengan semangat Malaysia Madani.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***